

08/02/2004

Emos sasar jual 7,200 motosikal setahun

PASIR GUDANG: Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos) yakin berupaya menguasai 30 peratus pasaran motosikal enjin dua lejang daripada 2,000 unit yang dikeluarkan di pasaran setiap bulan.

Pengurus Wilayah (Cawangan dan Operasi) Emos, Ahmad Razi Mahmood, berkata ini bermakna syarikat itu mensasarkan untuk menjual sekurang-kurangnya 600 unit motosikal terbabit setiap bulan atau 7,200 unit setahun.

"Berdasarkan sambutan orang ramai, kami percaya syarikat berupaya mencapai sasaran itu dalam tempoh terdekat. Ketika ini pun, jualan bagi model baru ini sudah mencecah 500 unit sejak ia memasuki pasaran November lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis pelancaran Karnival Modenas bagi menguji pandu motosikal berenjin dua lejang Dinamik di Litar Lumba Pasir Gudang, di sini, semalam.

Motosikal berkenaan bersama tiga lagi model baru keluaran syarikat terbabit dilancarkan secara rasmi oleh Tun Dr Mahathir Mohamad Ogos tahun lalu di kilang pemasangannya di Gurun, Kedah.

Motosikal model Dinamik ditawarkan pada harga atas jalan RM5,998.

Menurut Ahmad Razi, walaupun syarikat mengambil langkah yang agak sedikit lewat memasuki pasaran motosikal enjin dua lejang, namun tidak bermakna ia tidak berupaya bersaing di pasaran.

"Kami sudah membuktikan bahawa motosikal ini adalah antara yang terbaik untuk kelasnya menerusi pelbagai uji pandu yang turut membabitkan pelumba profesional," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, langkah seterusnya ialah memperhebatkan promosi penjualan model ini, menerusi program karnival yang akan digerakkan ke seluruh negara.